

MPK

KORIDOR

KEMAMAN IDAMAN



PERLUMBAAN PERAHU PANJANG
SUNGAI KEMAMAN



2024

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN



KANDUNGAN

Majlis Amanat Tahun Baru 2024 Bersama Yang Dipertua MPK

4

13 Program Hiking Bukit Mak Dayang Untuk Kakitangan MPK

Program Soal Jawab Bersama Murabbi Al Fadhill Ustaz Azhar Idrus Sempena Ulang Tahun Permasyhuran MPK Ke-22

5

14 Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis MPK Sesi 2024-2026

Kejohanan Hoki Piala YDP Sempena Sambutan Ulang Tahun Pemasyhuran MPK Kali Ke-22 & Kejohanan Hoki Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia (MALA)

6

15 Lawatan Kerja Ke Pasar Awam Sepang & Medan Selera MP Kuala Langat

Kejohanan Bowling Sempena Sambutan Ulang Tahun Pemasyhuran MPK Kali Ke-22

7

16 Perarakan & Perbarisan Sempena Hari Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Terengganu

Majlis Perasmian Taman Awam Kuala Kertih Oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia

8

17 Majlis Pelancaran MPK Safety Passport 2024

Majlis Perasmian Penutup Sempena Sambutan Ulang Tahun Pemasyhuran MPK Kali Ke 22 & Pelancaran Karnival Kemaman Idaman 2024

9

18 Kerjohanan Karnival Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia (MALA) 2024

Lawatan Tapak YB Haji Wan Sukairi Bin Wan Abdullah Ke Bazar Ramadan

10

19 Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Terengganu Di MPK & Lawatan Tapak Ke ECERL Kemaman

Operasi Bersepadu Kebersihan Pasaraya Musim Perayaan

11

20 Perlumbaan Perahu Panjang Sungai Kemaman

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MPK 2024

12

21 Pertandingan Kenderaan Berhias Sempena Ulang Tahun Ke-62 Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Mulia Sultan Terengganu





KATA KETUA EDITOR

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIWABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA

Kepada semua pembaca yang budiman. Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan izinNya KORIDOR Majlis Perbandaran Kemaman tahun 2024 telah berjaya diterbitkan dan saya mengucapkan sekalung tahniah kepada Sidang Redaksi yang telah bertungkus lumus menghasilkan KORIDOR ini bagi memaparkan segala aktiviti yang telah dilaksanakan untuk tatapan semua terutamanya kepada masyarakat di daerah Kemaman.

Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga kerja MPK di atas segala pengorbanan yang dilakukan demi kesejahteraan rakyat Kemaman

Sekian, terima kasih.

PN. NOR SOPHIA AZURA BINTI MOHD HUSIN
Setiausaha
Majlis Perbandaran Kemaman

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kemaman
ydp@mpkemaman.gov.my

KETUA EDITOR

Setiausaha, Majlis Perbandaran Kemaman
su@mpkemaman.gov.my

PEN. KETUA EDITOR

En. Abdul Hadi b. Haji Wahab
Pengarah Jabatan Korporat & Pembangunan
Masyarakat
ahadi@mpkemaman.gov.my

SIDANG EDITOR

Encik Zulkifli b. Tahar
ztahar@mpkemaman.gov.my

Encik Mohd Khairul Maswan b. Mohd Redzuan
khairul@mpkemaman.gov.my

Encik Muhammad Hilmi b. Awang
hilmi@mpkemaman.gov.my

Puan Suraida bt. Mohd Ghazali
suraida@mpkemaman.gov.my

Puan Nor Rasyidah bt. Awang
nrasyidah@mpkemaman.gov.my

Puan Siti Rahayu bt. Mamat
rahayu@mpkemaman.gov.my

Haji C.W Zahari b. C.W Ahmad
cwzahari@mpkemaman.gov.my

Encik Mohd Noor b. Ali
mnoor@mpkemaman.gov.my

Encik Roslan b. Abdullah
roslan@mpkemaman.gov.my

FOTOGRAFI, REKABENTUK GRAFIK, PERUNDING/PENULIS BERITA

Encik Mohd Hafiz b. Mahari
hafizmahari@mpkemaman.gov.my

Encik Mohd Fazli b. Wahid
fazliwahid@mpkemaman.gov.my

KoridorMPK merupakan buletin yang diuruskan oleh Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat untuk Majlis Perbandaran Kemaman. Sumbangan artikel amat dialu-alukan.

Sila hantar sumbangan kepada:-

KoridorMPK
d/a: Pengarah
Jabatan Korporat & Pembangunan
Masyarakat,
Majlis Perbandaran Kemaman,
Jalan Air Putih,
24000 Kemaman.

leewahidmpk@gmail.com



MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2024 BERSAMA YDP

2023 telah melabuhkan tirainya, 2024 telah mula mengatur langkah. Amanat Tahun 2024 yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Encik Fadli Yusof bin Zakaria, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman kepada semua warga kerja:

1. MPK perlu memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga Kemaman selaku frontliner kepada Kerajaan Negeri khususnya dan Negara amnya. Warga Kemaman adalah rakan kongsi kepada MPK.
2. Sejahterakan kehidupan rakyat Kemaman.
3. Komitmen dan kualiti perkhidmatan yang memberi impak terhadap kepuasan pelanggan.
4. Hargai amanah yang dipertanggungjawabkan.
5. Tingkatkan indeks Bahagia di kalangan warga Kemaman.





KORIDOR

MPKEMAMAN 05

2024

**Program Soal Jawab Bersama Murabbi Al
fadhil Ustaz Azhar Idrus Sempena Ulang
Tahun Permasyhuran MPK Ke-22**





KORIDOR
MPKEMAMAN 06

2024

Kejohanan Hoki Piala YDP Sempena Sambutan Ulang Tahun Pemasyhuran MPK Kali Ke- 22 & Kejohanan Hoki Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia (MALA) 2024



Tahniah pasukan hoki Majlis Perbandaran Kemaman (MPKHT) Naib Johan, Karnival Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia (MALA) 2024.



KORIDOR
MPKEMAMAN

2024

KEJOHANAN BOWLING SEMPENA ULANG TAHUN PERMASYHURAN MPK KE 22





KORIDOR
MPK&MAMAN

2024

08

Majlis Perasmian Taman Awam Kuala Kertih oleh YB Tuan Nga Kor Ming Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan





KORIDOR

MPKEMAMAN 09

2024

Majlis Perasmian Penutup Sempena Ulang Tahun Pemasyhuran MPK Kali Ke -22 Dan Pelancaran Karnival Kemaman Idaman 2024





**LAWATAN TAPAK YG BERHORMAT PENERUSI
JAWATANKUASA KERAJAAN TEMPATAN, PERUMAHAN &
KESIHATAN KE BAZAR RAMADAN**



Lawatan Tapak Bazar Ramadan Jalan Padang oleh YB Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Terengganu.





KORIDOR
MPKEMAMAN 11

2024

OPERASI BERSEPADU KEBERSIHAN PASARAYA MUSIM PERAYAAN



Majlis Perbandaran Kemaman bersama dengan agensi penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menjalankan satu Operasi Bersepadu Pemeriksaan Kebersihan Pasaraya di daerah Kemaman pada 01 April 2024. Operasi tersebut telah disertai seramai 35 orang pegawai dari pelbagai jabatan yang diketuai oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman, Setiausaha, Ahli Majlis, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta beberapa pegawai jabatan. Sebanyak lima (5) buah pasaraya disekitar Bandar Chukai telah dijalankan pemeriksaan dan didapati telah melakukan kesalahan di bawah UUK Pelesenan Tred, perniagaan dan perindustrian MPK 2013. Sejumlah enam (6) kompaun yang dianggarkan sebanyak RM6,000.00 juga telah dikeluarkan kepada premis terbabit. Selain itu, dua (2) pasaraya telah dikenakan tindakan penutupan di sebahagian ruangan premis di bawah Undang-undang Kecil yang sama dimana ia melibatkan ruangan barangan basah dan juga barangan kering. Tiga (3) notis arahan menjalankan pembersihan serta merta telah dikeluarkan. Tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah berdasarkan pemerhatian kepada keadaan persekitaran premis yang kotor, susun atur barangan yang tidak kemas dan terdapatnya kesan urungan / najis Rodensia di kawasan / ruangan bahan mentah. Operasi seperti ini seringkali dijalankan terutamanya ketika menjelang musim perayaan agar semua pengguna mendapat kelesaan dan barangan yang dijual terkawal secara selamat dan harga berpatutan.





KORIDOR
MPKEMAMAN

2024

12

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MPK 2024





KORIDOR

MPKEMAMAN 13

2024

PROGRAM HIKING BUKIT MAK DAYANG UNTUK KAKITANGAN MPK





Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Sesi 2024-2026 MPK



Sekalung tahniah diucapkan kepada semua Ahli Majlis yang telah dilantik bagi sesi 2024-2026. Selamat Berkhidmat





KORIDOR
MPKEMAMAN 15

2024



Lawatan Kerja Ke Pasar Awam MPK Ke Sepang & Medan Selera MP Kuala Langat





KORIDOR
MPKEMAMAN 16

2024

Perarakan & Perbarisan Sempena Hari Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri TRG





Majlis Pelancaran MPK Safety Passport 2024



Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Semenanjung yang telah melaksanakan Sistem Pasport Keselamatan dikeluarkan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

Yang Dipertua MPK, Encik Fadli Yusof bin Zakaria berkata inisiatif itu bukan sahaja bagi melindungi kebajikan kakitangannya, malah pekerja yang berkhidmat untuk kontraktor atau vendor MPK. "MPK Safety Passport (MPKSP) dikeluarkan setelah para pekerja menjalani kursus induksi keselamatan dan kesihatan pekerja (KKP). Dengan adanya passport ini kebajikan pekerja akan lebih terjamin sekiranya berlaku kejadian tidak diingini.

FASA - FASA PEMBANGUNAN MODUL

BENGKEL PEMERIKSAAN SOALAN
PROGRAM PASPORT
4 - 6 DISEMBER

PROGRAM PILOT RUN
PASSPORT
7 MEI 2024

SAFETY
JO test



KORIDOR
MPKEMAMAN 18

2024

Kejohanan Karnival Sukan (MALA) 2024





MESYUARAT MAJLIS KERAJAAN NEGERI TERENGGANU DI MPK DAN LAWATAN KE TAPAK ECERL KMN



Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Terengganu telah berlangsung pada 4 September 2024 di Bilik Seri Intan, Majlis Perbandaran Kemaman.

Mesyuarat mingguan tersebut telah dihadiri oleh YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu dan barisan EXCO Negeri Terengganu serta YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Terengganu.

Selain itu, satu Taklimat ringkas berkenaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) turut diberikan kepada rombongan oleh YBrs. Puan Nor Sophia Azura Mohd Husin, Setiausaha MPK, seusai mesyuarat tersebut dan mereka dibawa melawat tapak ECRL Kemaman diikuti pembentangan "Transit-Oriented Development (TOD) ECRL" oleh pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd (MRL).



KORIDOR
MPKEMAMAN 2024

Perlumbaan Perahu Panjang Sungai Kemaman



Perlumbaan Perahu Panjang Sungai Kemaman Piala Yang Dipertua Merebut Gelaran Raja Muara 2024 di Tapak Kastam Lama, Chukai Kemaman anjuran Majlis Perbandaran Kemaman.

Pertandingan telah diadakan selama 2 hari melibatkan pelbagai agensi. Pelepasan pertandingan pada hari pertama telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Haji Mohd Hafiz bin Adam, Adun Air Putih.

Bagi Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, Adun Chukai, Yang Berbahagia Encik Fadli Yusof bin Zakaria, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman dan turut hadir Yang Berusaha Puan Nor Sophia Azura bt Mohd Husin, Setiausaha Majlis Perbandaran Kemaman serta Yang Berusaha Tuan Ahmad Farhan bin Abdul Wahab, Pegawai Daerah Kemaman.

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang:

Kategori Terbuka:

Raja Muara - The Crocs Paddle @ Putera Bongsu Andani
Naib Johan - Lubuk Haji @ Mahkota Dewa Gedung
Tempat Ketiga - KKRW Pedata
Saguhati - Jeram Dragon Boat

Kategori Agensi Kerajaan/JPKK:

Raja Muara - Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
Naib Johan - Pejabat Daerah Kuala Terengganu A
Tempat Ketiga - Pejabat Daerah Kuala Terengganu B
Saguhati - JPKK Pasir Minal





KORIDOR

2024
MPKEMAMAN 21

PERTANDINGAN KENDERAAN BERHIAS SEMPENA ULANG TAHUN KE-62 HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MULIA SULTAN TERENGGANU

Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Kendaraan Berhias sempena Sambutan Ulang Tahun ke-62 Hari Keputeraan KDYMM Sultan Terengganu, malam tadi. Dalam majlis di Dataran Jambatan Angkat Kuala Terengganu, di sini, Daerah Kemaman muncul johan dan membawa pulang hadiah bernilai RM20,000, piala berserta sijil penyertaan.

Yang Berbahagia Tuan Ahmad Farhan bin Abdul Wahab, Pegawai Daerah Kemaman dan Yang Berbahagia Encik Fadli Yusof bin Zakaria, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman telah menaiki pentas mewakili Daerah Kemaman menerima piala dan sijil penyertaan tersebut.

Pada tahun ni Kendaraan Daerah kemaman mempamerkan reka bentuk 5 elemen iaitu Pelantar Minyak simbolik kepada hub oil & gas, konsep simbiosis dengan alam iaitu Santuari Kelip-Kelip Kg Yak Yah dan Zoo Kemaman, Keindahan Pantai Kemaman, Replika penyu yang merupakan lambang kepada pendaratan penyu tertinggi di Terengganu..Tidak lupa juga kita juga diserikan jgk dengan kehadiran Orang Asli Sungai Pergam yang terkenal dengan Tarian Sewang Bariq. Manakala naib johan milik Daerah Besut dan menerima hadiah bernilai RM15,000, piala berserta sijil diikuti tempat ketiga diraih Daerah Kuala Nerus (RM10,000).

Di tempat keempat dan kelima diraih masing-masing Kuala Terengganu (RM5,000) dan Dungun (RM4,000), sementara hadiah saguhati pula dimenangi Marang, Hulu Terengganu serta Setiu (RM1,000).

Keberangkatan baginda diiringi KDYMM Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah dan Yang Amat Mulia Tengku Puteri Daulat Raja.

Menyambut ketibaan baginda, Menteri Besar, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, YB Dato' Mohd Nor Hamzah dan Setiausaha Kerajaan Terengganu, YBM Tengku Seri Bijaya Raja.

**PERTANDINGAN
KENDERAAN
BERHIAS**
SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN KE - 62
HARI KEPUTERAAN KDYMM SULTAN TERENGGANU
PERTAMA
RM 20,000.00



SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN



Sambutan Hari Integriti Peringkat Majlis Perbandaran Kemaman Tahun 2024 dan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) telah diadakan bertempat di Dewan Berlian Utama, Majlis Perbandaran Kemaman. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Encik Fadli Yusof bin Zakaria, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman dan turut hadir Yang Berusaha Puan Nor Sophia Azura bt Mohd Husin, Setiausaha Majlis Perbandaran Kemaman serta Yang Dihormati Penguasa Kanan Nurul Hasanah Binti Ahmad, Ketua Cawangan SPRM Kemaman.

Antara pengisian program pada hari ini adalah Perasmian Sudut i-Integriti, gimik penanaman pokok bonsai sebagai simbolik Pokok Integriti MPK serta bacaan Ikrar Bebas Rasuah melibatkan Ahli-Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Kemaman.

Selain itu, program Ceramah Bersama Ybhg Dato TPj Ahmad Sabri bin Mohamed, Presiden Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACEiO) Malaysia/Pengarah SPRM Negeri Perak yang bertajuk Integriti :Program Cakna Integriti Dalam Kehidupan Sehari-hari dan Taklimat berkenaan Mental Sihat daripada Dr Nor Hasmah bt Salleh turut diadakan.







APLIKASI PINTAR ADU MPK

Muat turun aplikasi sekarang



**Kini aduan
anda lebih
mudah!**

mpk.terengganu.gov.my [majlis perbandaran kemaman](https://www.facebook.com/majlis.perbandaran.kemaman) [mpkemaman](https://www.instagram.com/mpkemaman)

